



Tahun 2. No. 3

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 MARCH, 1957.

Perhubungan Perkhidmatan2 Penerbangan Brunei-Sarawak-Borneo Utara:

PERUNDINGAN2 DI-KUCHING BEROLEH KEJAYA'AN YANG BESAR

PERUNDINGAN2 yang mustahak telah di-langsungkan di-Kuching, Ibu Kota Negeri Sarawak selama 2 hari baharu2 ini berhubung dengan perkara perhubungan perkhidmatan2 penerbangan dalam Negeri diantara ketiga2 buah negeri dalam kawasan Borneo British mengandongi Brunei, Sarawak dan Borneo Utara.

Keraja'an Negeri Brunei telah menghantarkan 2 orang Wakil2; dan begitu juga Keraja'an2 Sarawak serta Borneo Utara telah menghantarkan Wakil2 mereka Ka-Persidangan yang bersejarah itu, mengandongi:-

Brunei - Mr. E.R. Bevington, Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri; dan Mr. E.W. Cousens, Penyimpan Khazanah Negeri.

Sarawak - Mr. B.A. Hepburn, Pemangku Setia Usaha Ke-Ewangan; dan Mr. A.R. Morrison, Pemangku Setia Usaha Perkembangan.

Borneo Utara - Mr. M.V. Saville, Penolong Setia Usaha Keraja'an; dan Mr. A.D. Farrell, Pemangku Attorney-General.

Salain daripada Wakil2 tersebut, lain2 orang yang mengambil bahagian dalam Persidangan itu ia-lah Mr. R. L. Milton, Pengarah Perkhidmatan2 Penerbangan Awam bagi Daerah2 Borneo British; Mr. J. Linstead, Pegawai Kanan, Sharikat Kapal Terbang British Overseas Airways Corporation dari London, England; dan Mr. B. W o o d dari Jabatan Undang2, Sharikat Kapal Terbang tersebut juga.

Wakil2 yang hadir dalam Persidangan tersebut, di-antara-nya telah bersetuju hendak membuat pesanan dari United Kingdom 2 buah kapal2 terbang jenis "Twin Pioneer" untok di-gunakan dalam rancangan penerbangan di-negeri2 Brunei; Sarawak dan Borneo Utara sebagaimana tersebut.

Kapal2 terbang "Twin Pioneer" itu, di-buat oleh Sharikat Scotland, mengandongi 16 tempat2 duduk dalam tiap2 buah dijangka akan dapat berkhidmat di-kawasan2 Borneo British sebelum hujung bulan tahun ini.

Menurut keterangan Pengarah Perkhidmatan Penerbangan Awam bagi Daerah2 Borneo British kepada para Wartawan selepas di-langsungkan Persidangan tersebut, samanjak tahun 1953, Keraja'an2 serta Pegawai2 Penerbangan Awam di-Daerah Borneo British telah mengikuti kemajuan2 yang di-perolehi oleh kapal terbang jenis tersebut. Pada bulan January, 1956 kata-nya, Keraja'an2 Borneo British telah membuat perhubungan dengan pembuat Kapal Terbang itu dan samanjak masa itu pihak Keraja'an2 Borneo telah menjalankan perundingan2 dengan Sharikat Scotland Aviation Limited itu.

Lebeh lanjut, Mr. Milton menyatakan bahawa dalam perhubungan penerbangan Sarawak-Brunei-Borneo Utara oleh kapal terbang "Twin Pioneer" itu tidak berapa lama dahulu, kapal terbang itu telah dapat menggunakan kebanyakan dari padang2 Kapal Terbang yang masa

/ini di-gunakan ...

ini di-gunakan oleh kapal2 terbang yang kechil jenis "De Ha Villand Rapide"

Perchuba'an2 juga telah di-lakukan di-padang2 Kapal Terbang yang kechil di-Long Atip, dalam Bahagian yang Ke-Empat Negeri Sarawak; dan di-Lawas Bahagian yang Ke-Lima Negeri Sarawak, dengan memperolehi hasil yang dapat memuaskan hati pehak2 yang berkenaan, kerana terlebih dahulu di-perchayai bahawa padang2 Kapal Terbang itu hanya dapat di-gunakan oleh kapal2 terbang yang ringan sahaja, seperti kapal terbang jenis "Auster" yang di-gunakan oleh Rombongan Padri dari "The Borneo Evangelical Mission".

=====

PUTERA-PUTERI DI-RAJA DI-TEMASHA SUKAN

Enam daripada tujuh orang Putera-Puteri Kabawah Duli2 Yang Maha Mulia Sultan dan Raja Isteri, termasuk Putera Mahkota Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Hassanel Bulkiyah bersama2 tiga orang Putera-Puteri Seri Peduka Yang Teramat Mulai Duli Pengiran Pemancha telah hadir menyaksikan temasha Sukan Hari Ibu Bapa Sekolah2 Melayu Pekan Brunei di-Padang Pekan Brunei pada hari Ahad 3 March, 1957.

Temasha sukan itu juga telah beroleh seri dengan ke-hadziran ramai bilangan Pegawai2 Kerajaan dan para pembesar Negeri ini, di-antara-nya ialah British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; Pengetua Pusat Latchan Guru2 Melayu Brunei, Mr. James Pearce; Pegawai Penerangan Negeri Sarawak, Mr. Philip Jones; dan Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. H.J. Padmore.

Rumah Kerma Dewa telah menjadi Johan, di-turut oleh Rumah Awang Semaun dan Ong Song Ping.

Hadiah2 kepada pehak2 yang berjaya telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert; dan terlebih dahulu ucapan2 yang berfaedah telah di-lafadzkan oleh Pengiran Mohd. Yusuf A.R., Setia Usaha Jawatan Kuasa Perayaan Hari Ibu Bapa Sekolah2 Pekan Brunei dan juga oleh Mr. H.J. Padmore, Pegawai Pelajaran Negeri.

=====

LAWATAN DUTA PERANCHIS KA-BRUNEI

Mr. M. Raymond Offroy, Duta Peranchis Ka-Negeri Thailand yang juga memegang jawatan sebagai Wakil Negeri Peranchis dalam Jema'ah Majlis Mashuarat Pertubohan Perjanjian Tenggara Asia telah tiba di-Brunei dengan Kapal Terbang dari Bangkok, melalui Singapura dan Labuan pada petang hari Ithnin 4 March, 1957.

Dalam lawatan-nya yang singkat ka-Negeri ini, Duta Peranchis itu telah tinggal sebagai tetamu kepada Yang Berhormat Tuan British Resident Brunei.

Beliau telah berangkat ka-Istana Darul-Hana, mengadap Duli Yang Maha Mulia Sultan pada 5 March, 1957 dan selepas itu beliau telah melawat ka-Kampung Ayer, dengan di-iringi oleh Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Pengiran Mohd. Yusuf A.R., dan Pegawai Penerangan Negeri Sarawak, Mr. Philip Jones.

Mr. Raymond Offroy sangat-lah gemar menyaksikan barang2 pertukangan perak dan juga tukang2 perak yang sedang sibuk menjalankan pekerjaan mereka pada masa lawatan beliau ka-tempat membuat barang2 perak di-Kampung Ayer, sambil menyatakan bahawa beliau ingin hendak datang sekali lagi ka-Brunei pada masa ke hadapan kelak.

Beliau telah berangkat ka-Canberra, Australia, melalui Singapura pada hari Rabu 6 March, 1957.

SAMBUTAN ISRA'A ME'RAJ DI-S.O.A.S. COLLEGE

Penuntut2 dari Pusat Latihan Guru2 Melayu, Brunei dan murid2 lelaki dan perempuan di-S.O.A.S. College Brunei telah mengadakan satu Majlis memperingati Isra'a dan Me'raj Nabi Muhammad S.A.W., di-bawah anjoran Guru Ugama di-S.O.A.S. College dan di-Pusat Latihan Guru2 Melayu, Brunei Che'gu H.H. Rahman pada hari Rabu 27 February, 1957. Di-antara para hadirin di-Majlis itu ia-lah Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Indera Mohamad; Pegawai Penerangan Negeri, Pengiran Mohd. Yusuf A.R.; Yang Mulia Pehin Orang Kaya Di-Gadong; Yang Mulia Pehin Jawatan Dalam dan lain-lain-nya.

Che'gu H.H. Rahman telah mengambil masa $1\frac{1}{2}$ jam membaca Koran dan membaca Kisah Isra'a dan Me'raj, dalam mana ia menasihatkan supaya kaum Muslimin mengukuhkan amal ibadat-nya yang sallah kepada Tuhan, sambil melarang kaum muslimin membuat kejahatan.

Majlis itu telah di-buka oleh Che'gu Mustafa Haji Tahir, Guru di-Pusat Latihan Guru2 Melayu Brunei, dengan mengucapkan terima kasih kepada para hadirin.

Sabelom Majlis itu di-tutup oleh Che'gu Rahman, ucapan terima kasih bagi pehak tetamu telah dilafadzkan oleh Pengiran Mohd. Yusuf A.R., kemudian Tuan Imam Haji Mohd. Said telah membaca do'a selamat dan Majlis berakhir selepas di-adakan jamuan ringan.

.....

CONSUL-GENERAL KERAJA'AN ITALY BAGI BRUNEI

Ada-lah dengan ini di-beri tahu untuk pengetahuan awam bahawa Kerajaan Negeri ini telah, dengan sukachita-nya buat sementara mengakui Signor Saverio Lucio Pagnitti sebagai Consul-General bagi Kerajaan Italy di-Singapura dengan mempunyai kuasa-nya di-Brunei, sementara menunggu penishan dari Duli Yang Maha Besar Baginda Queen.

.....

HAKIM YANG BAHARU NEGERI BRUNEI

Mr. R.G.P.N. Combe, O.B.E., M.C. sa-orang Peguam, telah tiba di-sini dari United Kingdom baharu2 ini dan mulai dari 4 March, 1957 telah di-lantik menjadi sa-orang Hakim bagi Brunei.

Sabelom menjawat jawatan-nya yang baharu, Mr. Combe telah berkhidmat selama 27 tahun dalam Perkhidmatan2 Pertadbiran serta Undang2 di-Borneo Utara, antara-nya beliau telah menjadi sa-orang Resident di-Daerah Pantai Barat, Borneo Utara selama 4 tahun.

.....

PEGAWAI PENERANGAN SARAWAK MELAWAT BRUNEI

Pegawai Penerangan Negeri Sarawak, Mr. Philip Jones, telah tiba di-Brunei dengan kapal terbang dari Kuching pada hari Sabtu 2 March, 1957 dan telah balek ka-Kuching pada hari Juma'at 8 March, 1957.

Mr. Philip Jones telah berangkat ka-Labuan pada petang 5 March, 1957 kerana menemui Dr. Steven Runciman, saorang ahli Sejarah yang terkemuka di-United Kingdom.

Kedua2-nya itu telah berangkat pula dari Pekan Brunei ka-Padang Minyak di-Seria dan selepas itu mereka telah pergi ka-Kuching.

Sementara itu ada-lah di-fahamkan bahawa Dr. Runciman di-jangka akan tinggal di-Sarawak selama 5 minggu, dan ia berchadang hendak mengarangkan sebuah buku darihal Negeri Sarawak atas jemputan dari Kerajaan Sarawak. Buku itu akan di-keluarkan oleh Cambridge University Press, England.

.....

PERKHEMAHAN PENGAKAP2 SA-DUNIA DI-ENGLAND

Satu upacara Perkhemahan Pengakap2 yang gilang gemilang dalam sejarah Pergerakan Pengakap Sa-Dunia akan di-langsungkan di-Sutton Park, England pada bulan August tahun ini untuk mera'ikan Hari Puja Usia Yang ka-100 tahun lahir-nya Pengasas Pertubohan Pengakap, mendiang Lord Robert Baden-Powell of Gilwell.

Upacara tersebut juga akan di-langsungkan sebagai menyambut Jubilee Emas (50 tahun) julong2 kali perchuba'an Perkhemahan Pengakap di-bawah ta'ja'an mendiang Pengasas Pertubohan Pengakap tersebut yang telah di-adakan di-daerah Brownsea, England pada tahun 1907.

Salain daripada Pengakap2 Sa-Dunia, Pegawai2 Pengakap Sa-Dunia, dan juga Pengakap2 Rover Sa-Dunia akan turut mengambil bahagian bersama dalam Gemasha Perkhemahan yang akan di-langsungkan di-England mulai dari 1 August hingga 12 August tahun ini.

Dalam masa tersebut, 35,000 orang Pegawai2 Pengakap, Pengakap2, dan Pengakap2 Rover daripada 5 Benua, mewakili kira2 100 Negeri akan turut mengambil bahagian.

Ini-lah kali yang ka-9 di-adakan Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia sahaja tersebut, dan kali yang ka-3 di-Great Britain.

Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia kali yang pertama telah di-adakan di-Olympia, London pada tahun 1920; yang kedua di-Copenhagen, Denmark pada tahun 1924; yang ketiga di-Birkenhead, England pada tahun 1929; dan seterusnya di-Goldollo, Hungary pada tahun 1933; di-Vogelenzang, Holland pada tahun 1937; di-Moisson, France pada tahun 1947; di-Bad Ischl, Austria pada tahun 1951; manakala Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia kali yang ka-delapan telah di-langsungkan di-Niagara-on-The Lake, Canada pada tahun 1955 dengan dihadiri oleh lebih kurang 11,000 orang Pengakap2, Pegawai2 Pengakap, dan Pengakap2 Rover dari seluruh Dunia.

Wakil2 Brunei Ka-Perkhemahan Pengakap Sa-Dunia

Enam orang Pengakap2 dari Negeri Brunei telah di-pilih untuk menghadiri Perkhemahan Pengakap2 Sa-Dunia tersebut, ia-itu:-

Wakil2 dari Persatuan Pengakap Daerah Brunei: Abdul Jalil bin Marsal, dan Ibrahim bin Mohammed.

Wakil2 dari Persatuan Pengakap Daerah Belait: Omar bin Johari, Ng Shin Wah, Matthew Samy, dan James Tiernan.

Ada-lah di-fahamkan juga bahawa Mr. C.A. Odling, Penolong Pesuruh Jaja Pengakap dari Daerah Belait juga akan menghadiri Perkhemahan Pengakap tersebut sebagai seorang Wakil dari Negeri Brunei.

+++++

UNDANG2 MELOMBONG MINYAK

Yang Berhormat Tuan British Resident, bagi pehak Kabawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Sultan, telah memberi hak2 melombong minyak dalam Negeri ini kepada Sharikat British Malayan Petroleum Company Limited pada tahun 1955 seperti berikut:-

Lisen untuk melombong minyak bertarikh pada 14 July, 1955 bagi 200 batu persegi tanah dalam daerah Abang.

Lisen untuk melombong minyak bertarikh pada 14 July, 1955 bagi 162 batu persegi tanah dalam Daerah Abang.

Lisen untuk melombong minyak bertarikh pada 14 July, 1955 bagi 93 batu persegi tanah dalam Daerah Abang.

Lisen untuk melombong minyak bertarikh pada 14 July, 1955 bagi 200

/batu persegi tanah

Lisen untuk melombong minyak bertarikh pada 14 July 1955 bagi 200 batu persegi tanah dalam Daerah Rawai.

Lisen untok melombong minyak bertarikh pada 3 November, 1955 bagi 167 batu persegi tanah di-sempadan laut.

Lisen untuk melombong minyak bertarikh pada 3 August, 1955 bagi 388 batu persegi tanah dalam Daerah Sapo/Labu.

Duli Yang Maha Mulia Sultan dalam Majlis Mashuarat telah memberi kebenaran melombong minyak kepada pihak British Malayan Petroleum Company Limited pada tahun 2 1955 dan 1956 seperti berikut:-

Lisen untok Penyelidikan minyak untok di-kawasan laut Negeri ini.

Lisen untok melombong minyak bertarikh pada 5 July, '56 bagi 455 batu persegi di-kawasan laut dekat tanah perlimbahan Ampa.

Dalam tambahan kepada hak2 kebenaran melombong minyak yang tersebut di-atas, maka British Malayan Petroleum Company Limited memegang dua tanah pajak melombong minyak :-

Tanah Pajak melombong minyak bertarikh pada 21 February, 1924 lebih dari 51,000 ekar tanah (Tanah Pajak Belait), sebagaimana di-pinda dengan tulisan2 di-atas itu dan dalam satu "Kenyata'an Perjanjian" bertarikh pada 23 March, 1933 dan dengan lima keping Surat Perjanjian bertarikh pada 16 January, 1933; 19 February, 1940; 21 March, 1949; 10 March, 1950; dan 3 November, 1955.

Tanah Pajak Melombong Minyak bertarikh pada 29 February, 1932 mengenai 65,000 ekar tanah (Tanah Pajak Tutong), sebagaimana yang di-pinda diatas itu; dan enam Surat Perjanjian bertarikh pada 16 January, 1933; 19 February, 1940; 20 February, 1940; 21 March, 1949; 10 March, 1950; dan 3 November, 1955.

[illegible]

LANTEKAN-LANTEKAN BAHARU

Mr. R.H. Morris, bekas Penolong Resident Brunei, telah di-lantek menjadi Pemangku Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri mulai dari 25 February, 1957 pada masa Mr. E.R. Bevington berada di-luar negeri.

Mr. H.J. Padmore telah di-lantek menyandang jawatan-nya semula sebagai Pegawai Pelajaran Negeri mulai dari 19 February, 1957 dan mulai dari tarikh itu juga, Mr. P.W. Spicer telah berhenti memegang jawatan sebagai Pemangku Pegawai Pelajaran Negeri.

Mr. Howe Soo Beng telah di-lantek menjadi sa-orang ahli Lembaga Pe-
awat2 untok Rumah Sakit di-Bandar Brunei menggantikan tempat Mr. Chua
Wong Soon.

X X

LAWATAN PENGARAH JABATAN PERTANIAN SARAWAK.

Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Sarawak, Mr. J. Cook telah tiba di-Brunei dari Kuching pada petang 6 March, 1957 dan pada 7 March, 1957 beliau telah berangkat ka-Limbang, kemudian ka-Lawas, Sarawak. Salepas itu beliau berangkat ka-Weston, dan ka-Jesselton, Borneo Utara.

Mr. Cook telah datang sekali lagi di-Brunei pada 12 March setelah melawat ka-Borneo Utara. Pada ka-esokan hari beliau telah melawat ka-Pusat Penanam Padi Sawah di-Mulaut dengan di-iringi oleh Pegawai Pertanian Negeri 'Inche' Hamdoon bin Awang Damit dan balek ka-Kuching pada 14 March, 1957.

Ruangan So'al Jawab:

JAWAPAN2 SO'ALAN2 PELITA BRUNEI KELUARAN TAHUN 2: NO. 2 DI-MUKA 9 DAN

1. Duli Yang Maha Mulia Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah membeli sebuah Istana Di-Kuching, Negeri Sarawak masa dahulu. Nama Istana itu ialah ISTANA RAGAM.
2. Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi, Sir Anthony Foster Abell, salain daripada menjadi Pesuroh Jaya Tinggi bagi Negeri Brunei, juga memegang jawatan sebagai GOVERNOR NEGERI SARAWAK.
3. Tempat tinggal Tuan Yang Terutama Pesuroh Jaya Tinggi di-Negeri ini ia-lah di-MUARA. Nama-nya itu ia-lah "THE MUARA LODGE".
4. Segala Daerah2 di-Negeri ini ia-lah: Brunei-Muara; Tutong, Temburong, Seria dan Belait. Pegawai Daerah Brunei-Muara ia-lah PEHIN ORANG KAYA SHAHBANDAR HAJI AHMAD BIN DAUD. Penolong Pegawai Daerah Brunei, belum-lah lagi di-penohkan samentak Pengiran Ahmad berkhidmat dengan Radio Brunei pada akhir tahun 1956. Pegawai Daerah Tutong ia-lah PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN ANAK LUBA - tidak ada Penolong Pegawai Daerah Tutong. Pegawai Daerah Temburong ia-lah PENGIRAN HAJI ABU BAKAR BIN PENGIRAN PEMANCHA MD. SALLEH II - tidak ada Penolong Pegawai Daerah Temburong. Pegawai Daerah Seria ia-lah INCHE' ABDUL GHANI BIN HASSAN - tidak ada Penolong Pegawai Daerah Seria. Pegawai Daerah Kuala Belait ia-lah PENGIRAN ABU BAKAR BIN PENGIRAN OMAR ALI. Penolong Pegawai Daerah Kuala Belait: PENGIRAN MOMIN BIN PENGIRAN HAJI ISMAIL.
5. Yang Berhormat Mr. J.O. Gilbert mula2 berkhidmat sebagai British Resident Brunei pada bulan June, 1953.
Penolong Resident Brunei: Mr. D.L. Brune
Penolong Resident Kuala Belait: Mr. G.L. Thomas
6. Yang Teramat Mulia Prince Charles, iaitu Putera Mahkota kepada Duli Yang Maha Besar Baginda Queen Elizabeth II, yang kini sedang menyandang gelaran sebagai Duke of Cornwall, akan di-anugerahkan gelaran sebagai "The Prince of Wales" tidak berapa lama lagi, menurut sebagaimana Adat Istiadat Purbakala Di-Raja Inggeris yang di-anugerahkan kepada sa-sa-orang Putera Mahkota-nya.

SO'ALAN2 YANG BAHARU
=====

1. Al-Marhom Sultan Bulkiah, di-kenali juga dengan satu nama yang lain. Apa-kah Nama itu ?
2. Di-mana-kah letak-nya Makam Sultan Bulkiah ?
3. Siapa-kah Pesuroh Jaya Agong Tenggara Asia sekarang ?
4. Siapa-kah Perdana Menteri Kerajaan Inggeris pada masa ini dan bilakah beliau di-lantek menyandang gelaran itu ?
5. Sebuah Kapal Perang Tentera Laut Di-Raja British telah menjalankan pekerja'an mengukir dalam-nya perayaran2 di-perlabohan2 dan di-kawasan2 Pantai Brunei pada tahun 1956. Apa-kah nama Kapal Perang itu ?
(a) Apa-kah nama Kapal Perang Peranchis, di-ketuai oleh Captain Doppler, yang telah melawat Negeri ini pada tahun yang lalu ?
6. Berapa-kah jumlah Guru2 dan Murid2 Sekolah serta Pegawai2 Kerajaan Brunei yang sedang belajar di-England dan di-Australia ?
(a) Sebutkan nama2 mereka yang sedang belajar (a) Di-England
(b) Di-Australia

(Segala Jawapan2-nya akan di-siarkan dalam PELITA BRUNEI keluaran akan datang)

اوندغ ۲ بهارو مجلس ناگام دان عادت استعادت نگري برونې

(سموخن درې فليتا برونې کلوارن يثالو)

کسلاهن ۲

ملینکن د شرطکن یخ برلائين د دالم اوندغ ۲ این مگ بهاگین این درفد اوندغ ۲ هندقله توکنا هان
د اورغ ۲ یخ براگام اسلام سماج .

ملینکن مشورت یخ برلائين د دالم اوندغ ۲ این . مگ تیدقله بوله داداکن فردعوان باگي مان ۲ کسلاهن
بواه اوندغ ۲ این د دالم مان ۲ محکمه سلائين درفد محکمه قاضي بسر اتو فون محکمه قاضي .

کحاضیران د مسجد

مان ۲ لاکي برعمر 15 تاهون اتوکاءتس یخ تیدق حاضر سمبیه جمعیت د مان ۲ مسجد مشیکوت
سبگیمان یخ د شرطکن د دالم اوندغ ۲ ، دکچوالیکن بگیمان یخ د شرطکن کمدين درفد این ، ان برساله ؛
حکوم دندا سبايق 10 اتوکسلاهن یثکدوا دندا 20 اتوباگي کسلاهن یثکتیک اتو براولغ ۲
دندا سبايق 50 .

دغن شرط بخوا تیدقله منجادي ساله باگي اورغ ۲ یخ دمکین جگ که اضترانث ترگندالا اوله سبب
وجن اتو تمفت دودقن ایت لبه درفد تیگ باتو جواه ایکوت جالن یخ سماییس دکت دغن سبب مسجد اتو ایا
د دمعافکن درفد حاضر سمبیه اوله مان ۲ فگاوي مسجد باگي مقیم یخ اي رژیم دودق دغن سبب کساکیتن
تیدق اد دالم تمفت کدیامنث .

مینومن یخ مابوقن

بارغ سیاف د دالم مان ۲ کدي اتو تمفت اورغ رامی ممبلي اتو منجوال اتو مینوم اف ۲ مینومن یخ مابوقن
و مینومن یخ مخندوغي اف ۲ بندا یخ دحرامکن اوله اگام اسلام اکن برساله .
حکوم دندا سبايق 50 باگي کسلاهن یثکدوا دندا سبايق 75 اتوباگي کسلاهن یثکتیک
و فون براولغ ۲ دندا سبايق 100 .

مکانن دالم بولن فواس

بارغ سیاف د سیخ هاري د دالم بولن فواس ماکن دتمفت رامی اتو دتمفت لاین یخ نمفق اوله
رغ اتو منجوال کفد مان ۲ اورغ اسلام کران ماکن دتمفت رامی اتو فون ماکن اف ۲ مکانن ،
فوم اتو مئیسف روکوه اکن برساله . حکوم دندا سبايق 50 اتوباگي کسلاهن یثکدوا 75 اتوباگي
کسلاهن یثکتیک سبايق 100 .

(انتوق فرهاتین فارا فمباچ : دغن سیارن ترسبوت سلسیله کیت فورنکن فتیقه ۲ درفد اوندغ ۲
بهارو مجلس اگام دان عادت استعادت نگري برونې انداغ ۲ اگام یخ بهارو دان یخ سدغ دگوناکن د دالم نگري
ن تله برجالن قواکواسن ملاي 1 هاریبولن فیبراري ، 1956 دان تله دبوات سباگي مئگینتیکن 3 بواه
داغ ۱۲ ام نگري برونې یثتله دبطلکن . اونداغ ۲ یخ بهارو ایت تله دفرستجوئي اوله کباه دلي یثمها ملیا
سلطان ، سرعمر علي سیفالدین د دالم مجلس مشورت نگري یخ برسد د بولن فیبراري ، 1956 دان
داسرکن کفد سبواه اونداغ ۲ اگام یخ سدغ برجالن قواکواسن د دالم نگري کلتن ، فرسکوان تانهملایو دالم
ن تله داوبیکن سفای سسراري دغن کادان دالم نگري برونې .

R u a n g a n P e n e r a n g a n :

PERISHTIHARAN DYMM AL-SULTAN BERKENA'AN DENGAN

PERKARA MELUASKAN CHARA MAJLIS MASHUARAT NEGERI BRUNEI

Pada keluaran yang lalu, kita telah menyiarkan naskah tambahan dengan huruf jawi mengenai "Perishtiwaran Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Berkena'an Dengan Perkara Meluaskan Chara Majlis Mashuarat Negeri Brunei"; dalam mana di-siarkan titah dari Kabawah Duli Yang Mulia, bahawasa-nya Duli Yang Maha Mulia suka menyatakan iaitu berkena'an dengan Pertubohan Majlis Mashuarat Negeri yang ada pada masa yang lalu Duli Yang Maha Mulia memikirkan patut di-ubah dan di-ganti dengan pertubohan baharu.

Oleh kerana Kerajaan Tempatan ("Local Government") tidak mendapat sambutan di-antara Rakyat Brunei, maka Duli Yang Maha Mulia berhajat hendak mengambil langkah yang pertama untuk menjalankan Perkembangan Baharu bagi meluaskan tujuan Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Majlis Penasihat Daerah kelak di-gelarkan sebagai MAJLIS MASHUARAT DAERAH mulai dari 1 March, 1957. Tiap2 satu daerah akan di-bahagikan menjadi satu bilangan daerah kecil yang sesuai dan pilihan wakil2 daerah kecil ini ka-Majlis Daerah akan di-jalankan di-sini dan mengikut chara2 Adat Turun Temurun. Pemilihan2 ini akan di-adakan pada tahun ini supaya Majlis Mashuarat Daerah yang baharu itu boleh dapat menjalankan pekerja'an mulai dari 1 January, 1958.

Berhubung dengan perkara tersebut maka Pegawai Penerangan Negeri sukachita, mengambil peluang di-sini, menerangkan lebih lanjut lagi berhubung dengan perkara chadangan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei meluaskan Majlis Mashuarat Negeri Brunei itu, chadangan seperti itu adalah aliran fikiran antara Tuan Setia Usaha Negara bagi Tanah Jajahan di-London dengan Tuan Yang Terutama Pesuruh Jaya Tinggi bagi Brunei dan Duli Yang Maha Mulia Sultan bagi pihak Kerajaan Brunei, telah berlanjutan menrundingkan perkara tersebut dan telah mendapat persesuaian dan persetujuan dari kedua2 pihak.

Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Brunei berserta dengan Tuan Pesuruh Jaya Tinggi Brunei telah mempunyai aliran bagi melebarkan dan meluaskan Majlis Mashuarat Negeri Brunei itu dan telah mengishtiarkan hendak memberi peluang rakyat Duli Yang Maha Mulia supaya mengambil bahagian lebih luas dalam pemerintahan Negeri ini sebagai yang orang ramai telah faham ia-lah dalam awal tahun 1954 dahulu. Jadi bukan-lah erti chadangan2 itu chadangan baharu, yang timbul di-sebabkan desakan2 yang baharu dari aliran fikiran baharu, chadangan itu samata2 berdasarkan aliran fikiran yang sudah lama di-rundingkan dengan Tuan Setia Usaha Negara bagi Tanah Jajahan di-London.

Dengan berjalan-nya nanti rancangan itu bererti-lah yang sabahagian besar dari pemerintahan Negeri Brunei ini terpikul di-bahu anak Negeri ini sendiri, - keinginan rakyat yang besar bagi menchamponi Pentadbiran Negeri Brunei, salangkah demi salangkah mengikut susunan-nya akan dapat di-laksanakan dengan terator jika langkah pertama yang disusun oleh Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan ini dapat di-sempurnakan dengan baik, hal yang seperti ini terserah-lah kepada rakyat negeri ini sendiri untuk menyesuaikan perbuatan dengan chita2 yang sa-umpamanya.

Kita perchaya RAKYAT BRUNEI akan segera menyedari dan faham bahawa Kerajaan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei ada-lah bergerak kehadapan menyesuaikan diri dengan masa di-bawah Pimpinan dan Naungan Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.

* * * * *